




AZMAH NORDIN

**RIBUT**  
**di Gua**  
**GOMANTONG**



3

Ribut di Gua Gomanto



SAB00000395

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

# RIBUT di Gua GOMANTONG



SBH 395

KOLEKSI SABAH

PERPUSTAKAAN  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

# AZMAH NORDIN RIBUT di Gua GOMANTONG



Dewan Bahasa dan Pustaka PERPUSTAKAAN DBP  
Kementerian Pendidikan Malaysia, Sabah,  
Kuala Lumpur  
1992

No. Kelas:	899.233 AZM
No. Perolehan:	KS 010625
Tarikh:	7.6.93 T.T

KK 893 – 6093 7101

Cetakan Pertama 1992  
© Azmah Nordin 1992

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-  
Penerbitan

Azmah Nordin

Ribut di Gua Gomantong/Azmah Nordin.

ISBN 983-62-3245-1

1. Malay fiction. I. Judul.

899.2333

Diatur Huruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka  
Muka Taip Teks: Times Roman  
Saiz Taip Teks: 12/15 poin

Dicetak oleh  
Jiwamas Printers Sdn. Bhd.  
Kawasan Perindustrian Subang Jaya,  
47500 Petaling Jaya.  
\$8.00

# 1

TATKALA enjin motosikal usang itu menderum, Imboih sedang nyenyak tidur di dalam biliknya. Imboih tersentak dari tidur. Dengan mata yang terkedip-kedip, dia menjenguk ke tingkap rumah pangsa yang mempunyai tiga bilik itu. Sejurus kemudian, dia mengeluh singkat.

“Hmmm ... ayah dah nak bertolak rupanya.” bisik Imboih sendirian.

Tidak semena-mena, Imboih mengerut kening. “Aneh,” fikirnya, “mengapa enjin motosikal usang itu berhenti pula?” Tiba-tiba telinganya menangkap bunyi tapak kasut orang sedang berjalan di kaki lima rumah pangsa, di tingkat bawah itu. Sekali lagi nafasnya tersentak. Dengan bantuan lampu jalanan yang remang-remang pucat, Imboih dapat melihat ada orang menghampiri tingkap dari luar. Dia menahan nafas, seboleh mungkin.

“Im, Im ...!” panggil orang di luar itu. Semakin lama, semakin mendesak.

Imboih menggerutu dalam hati. Ah, terasa baru sahaja dia melepapkan mata untuk merehatkan tubuhnya. Kini ayahnya sudah memanggilnya bangun pula. Tidak cukup dengan panggilan itu, ayahnya mengetuk kaca tingkap itu berulang kali. Imboih mengeluh resah. Lambat-lambat, dia bangun dari tempat pembaringannya yang hangat lagi selesa itu.

Dengan perasaan yang rimas dan mata yang masih mengantuk, Imboih membuka kaca tingkap. Serta-merta wajah tenang ayahnya kelihatan jelas di kaca tingkap. Ayahnya tersenyum sambil membetulkan topi keledar di kepalanya.

“Belum bangun lagi?” tanya Encik Utau.

“Ada apa, ayah?” tanya Imboih yang dipagut kebimbangan.

“Hisy! Ditanya pula,” tingkah ayahnya sambil mengerut keningnya yang berbulu lebat. “Dah lupa, ya? Bukankah Im yang berpesan semalam? Bukankah Im juga yang meminta ayah kejutkan?”

“Yakah?” Imboih terkejut. Dia tidak segera memberi jawapan. Sebaliknya, matanya terkedip-kedip terus merenung wajah ayahnya. Seketika ke-

mudian, dia tersenyum pula. Dia seolah-olah terbayang akan sesuatu. Sesuatu yang penting. Sesuatu yang penuh rahsia. Serentak dengan itu, rasa mengantuk yang mencengkamnya, ghaib serta-merta.

“Hah, macam mana?” soal ayahnya. “Mengapa diam saja?”

“Oh! Sa ... saya terlupa tadi, ayah,” ujar Imboih, tersipu-sipu malu. “Err ... mujur juga ayah bangunkan saya. Te ... terima kasih, ayah.”

Ayahnya menyeringai seraya menggerakkan kepalanya. Seolah-olah sudah dapat meneka apa yang tersirat di fikiran Imboih pada ketika itu. Seolah-olah ombak kedengaran, pasirnya tidak kelihatan. Imboih berasa tidak enak tiba-tiba. Imboih menjadi gelisah pula.

“Im ...?” panggil ayahnya, lembut.

Serta-merta lamunan Imboih terhenti. Direnung wajah ayahnya. Dia seolah-olah ingin mendengar pengakuan bahawa ayahnya sudah pun tahu rahsianya. Tetapi dalam masa yang sama, dia tidak mahu ayahnya tahu tentang rahsianya.

“Im ...?” ulang ayahnya, semacam mengerti.

“Ya, ayah?” Imboih segera mengawal rasa gelabahnya.

“Walau apa pun, jangan sampai terlupa me-

nunaikan salat Subuh dulu, Imboih,” ujar ayahnya, lembut. “Dan, pastikan Im tidak terlewat ke sekolah pula nanti.”

“Baik, ayah.”

“Jangan lupa tau, Im?”

“Ya, ayah.”

Ayahnya tersenyum seraya melangkah ke motosikal usangnya. Imboih membalas senyuman itu dengan senyuman hormat. Sesudah mengucapkan salam, ayahnya menghidupkan kembali enjin motosikal usangnya. Selang beberapa ketika, motosikal usang itu bergerak perlahan.

Imboih mengeluh nafas panjang. Dengan kekuatan semangatnya, dia melangkah keluar dari biliknya lalu menuju ke bilik sebelah. Dia menjejug ke dalam bilik sebelah melalui celah-celah kain langsir. Hatinya berdebar cemas.

“Hmmm, bagus,” desisnya sendirian. Dia menyeringai. “Mereka masih tidur.”

Imboih tersenyum lega.

“Aku juga perlu cepat-cepat menjalankan kerja harianku,” bisik hati Imboih. Saat yang ditunggu-tunggu, sudah tiba. Dia mesti bertindak cepat. Selesai salat Subuh, dia perlu bergegas untuk menjalankan tugas hariannya pula. Berenang!



Dengan hati-hati, Imboih beredar dari biliknya. Dalam kesamaran subuh itu, dia melangkah perlahan-lahan menuju ke pintu luar. Mujur juga lantai rumah pangsa itu diperbuat daripada simen, fikirnya. Jika lantai rumah pangsa itu diperbuat daripada papan seperti di kampungnya, pasti berdetap-detup bunyi tapak kakinya.

Kokok ayam jantan kedengaran sayup-sayup di kejauhan. Bertingkah-tingkah di antara satu dengan yang lain, seolah-olah mereka sedang berpesta. Bunyi kokok ayam itu hanya mengingatkan dia pada perjalanan masa yang bergerak pantas. Lantas, dia membuka pintu luar.

“Pst! Psst ...! Pssst ...!”

Imboih terkejut lalu mengerut kening. Langkahnya terhenti. Dia berpaling ke arah pintu bilik sebelah dan merenung tajam wajah comel adiknya. Perasaan geram dan resahnya amat sukar dipendam. Teguran adiknya itu mengganggu dan mematikan semangatnya.

“Abang Imboih nak ke mana?” tanya Tumi.

“Tak ke mana-manalah,” desis Imboih, kurang senang.

“Kalau abang tak mahu ke mana-mana, kenapa abang buka pintu subuh-subuh ni?” tanya Tumi